

# DAFTAR ISI

## SALAM REDAKSI

### WARTA SERUMPUN

- Sidang Ke-51  
Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia MABBIM)
- Sambutan Bulan Bahasa di Negara Brunei Darussalam
- Syarahan Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim) di negara Brunei Darussalam
- Syarahan Mabbim Ke-5 di Indonesia
- Pengembangan Kosakata Bidang Ilmu melalui Pakersa
- Bulan Bahasa dan Sastra di Indonesia

### ARTIKEL

- Makna Kesalingan
- Peri Kata Peri Bahasa  
Perihal Tina, Cater, Daimen dan Syelet
- Pemanfaatan Konsep dan Istilah yang Berasal dari Nusantara

### WISATA KATA

- *Agrobisnis atau Agribisnis?*
- Tabung, Tabungan, atau Menabung

### RESENSI

- Keberterimaan istilah Mabbim Bidang Ilmu Dasar
- Bahasa Melayu, Bahasa Kita Jilid 1, 2, dan 3
- Kamus Bahasa Melayu Inggeris Dewan (KMID)
- Kajian Variasi Istilah Mabbim

### PROFIL

- Sri Sukesu Adiwimarta  
Pekamus yang Tekun
- Dr. Hassan Ahmad dalam Kenangan
- Prof. Dato' Dr. Aziz Deraman



## BULETIN MABBIM

### SALAM REDAKSI

Pada tahun 2012, Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim) telah menapak usia 40 tahun. Perjalanan panjang untuk seiring-sejalan menjayakan bangsa serumpun melalui pemertabatan bahasa kebangsaan, baik di tingkat nasional maupun internasional, telah menghasilkan banyak hal, seperti kajian kebahasaan bersama di ketiga negara serta kerja sama penerbitan dan pelatihan-pelatihan kebahasaan. Selain itu, tentu saja, senarai istilah berbagai bidang ilmu telah banyak disusun untuk menunjang kelengkapan khazanah daya ungkap keilmuan yang diperlukan oleh masyarakat umum. Momentum ulang tahun ke-40 Mabbim itu pun ingin kami rekam sebagai topik utama dalam *Buletin Mabbim* Edisi 5 Tahun 2013 ini.

Sehubungan dengan itu pula, patutlah kiranya kita mengingat lagi kata-kata Yang Mulia Awang Haji Mohd. Rozan dalam pidato sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-40 Mabbim di Hotel Antarbangsa Rizqun, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, yang mengatakan bahwa tema kegiatan Mabbim tahun 2012, yaitu "Mentransformasikan Budaya Ilmu untuk Menyerlahkan Jati Diri Bangsa", mempunyai ekspektasi yang jauh lebih ke depan. *Pertama*, amalan (budaya) ilmu hendaknya ditingkatkan dan dalam bentuk baru yang sesuai dengan perkembangan zaman sekarang. *Kedua*, peningkatan transformasi budaya ilmu itu tidak boleh dibuat sewenang-wenang dan harus bertujuan untuk menyerlahkan jati diri bangsa. "Tidak hanya menyikapi transformasi budaya ilmu itu saja yang penting, tetapi juga mentransformasikan budaya ilmu itu jauh lebih pentingnya karena budaya (dalam) ilmu itu dapat menyebabkan loncatan paradigma cara berfikir dan juga menjadi indikasi perkembangan peradaban dan bangsa," ujar beliau.

Berita terkait dengan momentum ulang tahun ke-40 Mabbim itu dapat dibaca dalam Warta Serumpun, seperti berita persidangan dan seminar Mabbim tahun 2012 yang terbilang istimewa. Selain berita terkait itu, pembaca tetap akan menikmati Wisata Kata serta tulisan-tulisan yang menarik dalam rubrik Artikel dan Resensi.

Pada tahun 2012 juga kita kehilangan salah satu tokoh Mabbim dari Brunei Darussalam, yaitu Dr. Mataim bin Bakar. Beliau dikenal sebagai seorang tokoh dan pejuang kebahasaan, baik di Brunei Darussalam maupun di kedua negara anggota Mabbim lainnya. Tulisan mengenai beliau dapat dibaca dalam rubrik Profil.

Mudah-mudahan *Buletin Mabbim* Edisi Ke-5 Tahun 2013 ini dapat menjadi sumber informasi bagi pemerhati bahasa Indonesia/Melayu.

Selamat membaca!



### Sidang Ke-51 Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM)

Brunei Darussalam telah menyelenggarakan Sidang Ke-51 Mabbim pada 02-07 April 2012, bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam, sebagai tindakan lanjut daripada salah satu keputusan Sidang Eksekutif Ke-50 Mabbim yang diadakan pada 24-25 Mac 2011, di Hotel Sahid Jaya, Jakarta, Indonesia.

Penyelenggaraan Sidang Ke-51 Mabbim didahului dengan: Sidang Pakar Ke-25 Mabbim, pada 02 - 03 April 2012, diikuti dengan Seminar Kebahasaan, pada 04 -05 April 2012, dan Sidang Eksekutif Ke-51 Mabbim, pada 06 -07 April 2012.

**Sidang Pakar Ke-25 Mabbim**, telah dibuka rasmi oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin. Sidang yang dilangsungkan selama dua hari itu membahas dan menindaklanjuti rencana kerja dan perkara-perkara yang berbangkit dalam keempat-empat Jawatan-kuasa/Komisi: Peristilahan, Penelitian/Penyelidikan, Penerbitan dan Pembinaan/Pe-mumpukan.

**Seminar Kebahasaan** diadakan pada 04 -05 April 2012. Seminar kali ini mengangkat tema: **"Mentransformasikan Budaya Ilmu untuk Menyerlahkan Jati Diri Bangsa"**. Pelancaran Seminar Kebahasaan yang diselenggarakan dengan acara perasmian Sidang Ke-51 Mabbim keseluruhannya serta penyampaian Anugerah Mabbim sempena Sambutan 40 Tahun Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim), dilaksanakan oleh selaku wakil peribadi Timbalan Menteri KKBS iaitu Setiausaha Tetap, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rozan bin Haji Mohd. Yunos. Dalam ucapan

perasmian, beliau mengupas tentang perkembangan bahasa Melayu, yang berlaku jauh lebih cepat dalam kegiatan sosialisasi kerana terdapat tekanan dan perkembangan yang memerlukan bahasa berperanan secara fungsional. Mabbim dan Dewan Bahasa dan Pustaka juga diharapkan perlu bergerak aktif seiring dengan tuntutan dan keperluan agar apa jua langkah serta tindakan pemerksaan bahasa yang diambil dapat disinergikan dengan keperluan tiap negara anggota Mabbim. Selanjutnya beliau menyarankan bahawa upaya pembinaan dan pengembangan bahasa bukan hanya sekadar untuk memenuhi matlamat dan visi institusi kebahasaan bahkan harus sejalan dengan perkembangan dan sosialisasi masyarakat.

Seminar yang menyajikan 11 makalah yang membahas tema: **"Mentransformasikan Budaya Ilmu untuk Menyerlahkan Jati Diri Bangsa"** tersebut dihadiri kira-kira 300 orang, yang terdiri daripada pensyarah, guru, pegawai kerajaan, mahasiswa, dan orang perseorangan.

Seminar kebahasaan yang berlangsung selama dua hari itu merumuskan beberapa isu, antara lainnya: mengimbau masyarakat untuk mempertingkatkan kesedaran agar penggunaan teknologi tidak melunturkan bahasa dan budaya Melayu/Indonesia, sebaliknya menggunakannya untuk mentransformasikan budaya ilmu agar jati diri bangsa semakin menyerlah di persada dunia dan secara dinamik tetap relevan menjadi bahasa ilmu dan pentadbiran

**Sidang Eksekutif Ke-51 Mabbim**, dilaksanakan pada 06-07 April 2012. Sidang Eksekutif telah meneliti, menerima dan mengesahkan Keputusan Umum Sidang Eksekutif ke-50 Mabbim, Laporan Sidang Pakar Ke-25 Mabbim, dan Laporan Mesyuarat Urus Setia/Musyawahar Sekretariat Ke-17 Mabbim. Di samping itu, Sidang Eksekutif juga membincangkan isu yang diketengahkan dalam Seminar Kebahasaan. **Anugerah Mabbim**

- a. Anugerah Tokoh Mabbim:
  - (1) Pengiran Dato Paduka Haji Badaruddin bin Pengiran Haji Ghani (Brunei Darussalam)
  - (2) Dr. Mataim bin Bakar (Brunei Darussalam)
  - (3) Dato' Haji A. Aziz bin Deraman (Malaysia)
- b. Anugerah Ilmuwan Mabbim diberikan kepada:
  - (1) Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin (Brunei Darussalam)
  - (2) Prof. Madya Dr. Haji Jaludin bin Haji Chuchu (Brunei Darussalam)
  - (3) Prof. dr. Menaldi Rasmin, Sp. P (Indonesia)
  - (4) Dr. Jan Hoesada (Indonesia)
  - (5) Profesor Emeritus Dr. Abdullah bin Hassan (Malaysia)
  - (6) Prof. Dr. Shaharir bin Mohamad Zain (Malaysia)
- c. Anugerah Khas Mabbim diberikan kepada Dayang Hajah Saddiah binti Ramli (Brunei Darussalam)



### Syarahhan Mabbim

Syarahhan Mabbim Ke-5 bagi tahun 2012 telah dijayakan oleh Prof. Dr. Tengku Mohd. T. Sembok dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Syarahhan bertajuk "**Penyebaran Ilmu dan Penerusan Tamadun Peribumi Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi**" diadakan pada 21 Jun 2012, Khamis, bertempat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam. Seramai 234 orang peserta yang terdiri dari kalangan pensyarah, guru, mahasiswa, penuntut, staf Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam, masyarakat umum yang mewakili persatuan dan pencinta bahasa hadir dalam majlis syarahan tersebut. Moderator syarahan ialah Dr. Yabit bin Alas, Universiti Brunei Darussalam.



## Sambutan Bulan Bahasa di Negara Brunei Darussalam



Sambutan Bulan Bahasa telah diadakan pada 12-13 Syaaban 1433/2-3 Julai 2012, bagi merealisasikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang mengisytiharkan bulan Julai sebagai Bulan Bahasa bagi Negara Brunei Darussalam. Tema yang dipilih ialah **"Daulatkan Bahasa Melayu"**, iaitu satu konsep dan bentuk penegasan sejajar dengan kedudukan bahasa Melayu dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam

Pelancaran sambutan Bulan Bahasa ini diadakan secara serentak di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam.

Syarahan perdana bertajuk **"Pendauletan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Rasmi Negara"** disampaikan oleh Profesor Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid (Daerah Brunei Muara), Awang Haji Mohd. Salleh bin Abdul Latif, Penerima S.E.A Write Award 1990 (Daerah Tutong), Dr. Yabit bin Alas (Daerah Belait) dan Profesor Madya Dr. Haji Asbol bin Haji Mail (Daerah Temburong).



## Syarahannya Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia (MABBIM) di Negara Brunei Darussalam

*Siti Rohaizah binti Sarkom*

Syarahannya Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia (MABBIM) ini merupakan pengisian utama bagi melengkapkan kegiatan jawatankuasa pemupukan. Jawatankuasa MABBIM terdiri daripada Jawatankuasa Peristilahan, Penyelidikan, Penerbitan dan Pemupukan.

Syarahannya MABBIM adalah hasil keputusan Sidang Eksekutif ke-51 MABBIM yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada 2 - 7 April 2012.

Program tahunan ini diadakan sejak tahun 2008 secara bergilir pakar atau tokoh bahasa antara ketiga-tiga negara anggota MABBIM, iaitu negara Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia. Lazimnya, tokoh yang dipilih dari pelbagai bidang ilmu sama ada bahasa, sastera, mahu pun sains dan teknologi dilantik sebagai penyampai syarahannya MABBIM bagi ketiga-tiga negara. Antara objektif syarahannya ialah:

- (i) Pertukaran pakar atau tokoh bahasa antara ketiga-tiga negara anggota MABBIM.
- (ii) Menyebarluaskan perkembangan bahasa Melayu/Indonesia dalam kalangan negara anggota MABBIM.
- (iii) Sebagai usaha untuk pengembangan bahasa Melayu/Indonesia melalui syarahannya mahupun perbincangan.

Penyebarnya Ilmu dan Penerusan Tamadun Peribumi Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi dipilih sebagai tajuk Syarahannya MABBIM kali kelima yang telah diadakan di ketiga negara anggota. Bermula pada 18 Jun 2012 di Indonesia, 21 Jun 2012 di Brunei Darussalam dan 25 Jun 2012 (Isnin), di Dewan Seminar, Tingkat 2, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia. Syarahannya disampaikan oleh Prof. Dr. Tengku Mohd. bin Tengku Sembok, iaitu Pensyarah Komputer Sains dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Seramai 250 orang tetamu telah hadir ke majlis syarahannya tersebut. Tetamu terdiri daripada pelbagai bidang dan institusi seperti staf DBP, staf agensi-agensinya kerajaan dan badan berkanun, pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam, Swasta dan Institut Pendidikan Guru Malaysia.



Penyampaian syarahannya oleh YBhg. Prof. Dr. Tengku Mohd. bin Tengku Sembok

Dalam syarahannya tersebut, penceramah telah membicarakan tentang bahasa melalui teknologi maklumat dan komunikasi. Beliau mengatakan bahawa perlu adanya satu bahasa dan berfungsi bagi sesebuah negara yang bertamadun, di samping masyarakat yang berpengetahuan, bangunan yang unik, dan teknologi metalurgi.

Tambah beliau lagi, pemikiran ialah linguistik dan bahasa merupakan produk sosial, iaitu sebagai pelengkap alat komunikasi yang membolehkan ilmu disampaikan ke pelosok dunia dengan secepat cahaya.

Program syarahannya MABBIM ini dapat menjadi medium kepada pakar atau tokoh dalam menyebarkan dan berkongsi pengalaman, idea, pengetahuan dan hasil penyelidikan mereka kepada masyarakat. Selain itu, dapat memberi pendedahan tentang kepentingan bahasa dalam pelbagai bidang ilmu.

## Syarahan Mabbim Ke-5 di Indonesia



Syarahan Majelis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim) Ke-5 tahun 2012 di Indonesia dilaksanakan pada hari Selasa, tanggal 19 Juni 2012, di Hotel Millennium, Jakarta. Syarahan yang berlangsung pada pukul 09.30–12.30 itu diikuti oleh 152 peserta yang terdiri atas guru (SD, SMP, dan SMA/SMK), dosen, dan peneliti dari Jakarta, Bogor, Tangerang, dan Bekasi.

Syarahan Mabbim itu mengangkat tema utama “Mengembangkan Ilmu Watan Melalui Teknologi Informasi dan Komunikasi”. Tema ini dipaparkan oleh Yang Berbahagia Prof. Dr. Tengku Mohd. bin T. Sembok, profesor ilmu komputer pada Kulliyah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universitas Islam Antarbangsa Malaysia (UIAM), Kuala Lumpur, Malaysia. Penserah membentangkan bagaimana peranan teknologi informasi dan komunikasi dalam penyebaran ilmu dan pembinaan peradaban pribumi (*indegenuous*) dengan model yang holistik serta hubungannya dengan perkembangan bahasa dalam menempuh era baru. (GH)

## Pengembangan Kosakata Bidang Ilmu Melalui Pakersa

Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa (Badan Bahasa), Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan (Kemendikbud), menyelenggarakan kegiatan Rapat Kerja Ke-52 Panitia Kerja Sama Kebahasaan (Pakersa) pada tanggal 28–31 Mei 2012, di Hotel Aston Primera, Bandung. Selain untuk mengembangkan kosakata dan istilah berbagai bidang ilmu di Indonesia, kegiatan yang dilaksanakan secara rutin tiap tahun itu bertujuan menyiapkan bahan untuk kegiatan Majelis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim).

Kegiatan Pakersa kali ini diikuti oleh lima kelompok khusus bidang ilmu, yaitu Kelompok Khusus Bidang Olahraga (Biomekanik, Tes Pengukuran Olahraga, dan Pengendalian Gerak), Kelompok Khusus Bidang Psikologi (Medis dan Kesehatan), Kelompok Khusus Bidang Ilmu Teknologi Pangan, Kelompok Khusus Bidang Ilmu Kelautan, dan Kelompok Khusus Bidang Ilmu Gizi, serta satu Kelompok Umum.

Kegiatan Pakersa Ke-52 di Indonesia dibuka oleh Dr. Sugiyono, Kepala Pusat Pengembangan dan Pelindungan, yang mewakili Kepala Badan Bahasa. Dalam sambutannya, Sugiyono menyatakan bahwa Pakersa menentukan arah pengembangan bahasa ke depan karena Pakersa memiliki tanggung jawab



memikirkan bersama bagaimana kosakata dan istilah Indonesia ke depan dapat memadai dan menampung perkembangan semua konsep ilmu pengetahuan dan teknologi.

Sejak tahun 1972, Panitia Kerja Sama Kebahasaan (Pakersa)—semula bernama Panitia Pembinaan Bahasa Indonesia—telah mengembangkan ratusan ribu kosakata dan istilah bidang ilmu yang dituangkan dalam berbagai kamus dan glosarium bidang ilmu. Pakersa itu sendiri merupakan wadah untuk para pakar mengembangkan istilah bidang ilmunya masing-masing.

## Bulan Bahasa dan Sastra 2012



Di Indonesia, Bulan Bahasa dan Sastra dilaksanakan Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa (Badan Bahasa), Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan (Kemendikbud), setiap bulan Oktober. Kegiatan itu melibatkan siswa, mahasiswa, guru, sastrawan, masyarakat umum, dan orang asing. Kegiatan yang dilakukan meliputi Penilaian Penggunaan Bahasa di Media Massa Cetak (Tingkat Nasional), Debat Bahasa Antarmahasiswa se-Jabodetabek dan Banten, Pemilihan Duta Bahasa (Tingkat Nasional), Sayembara Penulisan Proposal Penelitian Kebahasaan dan Kesastraan (Tingkat Nasional), Sayembara Penulisan Cerpen Remaja (Tingkat Nasional), Lomba Keterampilan Berbahasa Indonesia bagi Peserta BIPA (Tingkat Internasional), Lomba Blog Kebahasaan dan Kesastraan (Tingkat Nasional), Festival Musikalisasi Puisi bagi Siswa SLTA se-Jabodetabek dan Parade Mural Cinta Bahasa Indonesia.

Tema Bulan Bahasa dan Sastra 2012 adalah "Bahasa Indonesia Perikat Kerukunan Hidup Bermasyarakat, Berbangsa, dan Bernegara". Tujuan kegiatan ialah menumbuhkembangkan kecintaan masyarakat terhadap bahasa dan sastra Indonesia dalam rangka mempererat kerukunan hidup bermasyarakat, berbangsa, dan bernegara menuju masyarakat Indonesia yang berkarakter dan berdaya saing tinggi.

Acara Puncak Bulan Bahasa dan Sastra 2012 dilaksanakan di Gedung Samudra, Rawamangun, Jakarta (Selasa, 30 Oktober). Acara Puncak merupakan akhir penyelenggaraan Bulan Bahasa dan Sastra 2012 yang telah berlangsung sepanjang Oktober. Acara itu dihadiri oleh Kepala Badan Bahasa dan jajaran pejabat di lingkungan Badan Bahasa, perwakilan pejabat di lingkungan Kemendikbud, guru, mahasiswa, siswa, dan sastrawan. Dalam acara puncak itu diumumkan pemenang lomba dan sayembara, penyerahan hadiah, serta pemberian Penghargaan Badan Bahasa 2012 kepada sastrawan dan Penghargaan Sastra kepada pendidik (guru SD, SMP, dan SMA).

Dalam acara Puncak Bulan Bahasa dan Sastra 2012 ditampilkan, antara lain, tarian Puspa Wresti yang dibawakan oleh Kadek Ridoi Rahayu dan I Gde Wahyu Adi Raditya (Duta Bahasa 2012 dari Bali), lagu "Rang Kayo Hitam" yang dibawakan oleh Dellon Kuswari (Duta Bahasa 2012 dari Jambi), musikalisasi puisi yang dibawakan oleh SMAK 5 Penabur, Jakarta (Penampil Terbaik I Festival Musikalisasi Puisi Tingkat SLTA Se-Jabodetabek), serta musikalisasi puisi kolaborasi SMAN 6 dengan SMAN 70 Jakarta yang menyajikan lima buah karya dengan tema "Jangan Menangis Tanah Airku". (GH)

## Makna Kesalingan

Alipuddin Omarkandi

Kita sering mendengar ungkapan **saling cinta-mencintai** dan **saling sayang-menyayangi** dalam nyanyian, **saling hormat-menghormati** dalam ungkapan nasihat, dan **saling bantu-membantu** dan **saling tolong-menolong** dalam ucapan rasmi. Ada ahli bahasa yang membenarkan ungkapan sedemikian dengan alasan bahawa orang-orang tua di kampung menggunakannya. Walau bagaimanapun, boleh dikatakan bahawa rata-rata ahli bahasa tidak menyetujui ungkapan yang mendukung makna lewah itu. Permasalahan ini tidak berkisar dalam tatabahasa, tetapi berhubung dengan semantik. Perhatikan ayat di bawah ini:

1. \*Mereka tidak akan hidup bahagia kalau tidak **saling cinta-mencintai**.
2. \*Benarkah keamanan lahir daripada sikap **saling hormat-menghormati**?
3. \*Masyarakat di kampung **saling tolong-menolong**.
4. \*Pesan ayah, adik-beradik mestilah **saling nasihat-menasihati**.
5. \*Sebaik-baiknya, kita semua **saling bantu-membantu** dan tidak sendiri-sendiri.

Ungkapan seperti **saling cinta-mencintai**, **saling hormat-menghormati**, **saling tolong-menolong**, **saling nasihat-menasihati**, dan **saling bantu-membantu** dalam ayat 1 hingga ayat 5 mendukung makna yang lewah. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* dan *Kamus Dewan* dirujuki bagi memastikan makna **cinta-mencintai**, **hormat-menghormati**, **tolong-menolong**, **nasihat-menasihati**, dan **bantu-membantu**.

**cinta-mencintai** bermaksud 'saling mencintai'; 'bercinta-cintaan'.

**hormat-menghormati** bermaksud 'saling menghormati'; 'berhormat-hormatan.'

**tolong-menolong** bermaksud 'bertolong-tolongan'; 'saling menolong'.

**nasihat-menasihati** bermaksud 'saling memberi nasihat'.

**bantu-membantu** tidak terdapat dalam kedua-dua buah kamus. Yang ada **berbantu-bantuan** dengan makna 'saling membantu antara satu sama lain'. Walau bagaimanapun, **bantu-membantu** sama maknanya dengan **berbantu-bantuan** berdasarkan makna konteksnya yang didengar atau ditemukan.

Oleh sebab kata **cinta-mencintai**, **hormat-menghormati**, **tolong-menolong**, **nasihat-menasihati**, dan **bantu-membantu** mengandungi makna 'saling', kata **saling** tidak perlu ditambah

lagi kerana kehadiran kata **saling** menyebabkan kelewahan makna, seperti yang tertulis dalam ayat 1 hingga ayat 5. Kata **saling** juga tidak boleh ditulis atau ditambah jika kata kerja sudah berpasangan dengan **saling** seperti yang dipaparkan di bawah:

6. \*Mereka tidak akan hidup bahagia kalau tidak **saling saling mencintai**.
7. \*Benarkah keamanan lahir daripada sikap **saling saling menghormati**?
8. \*Masyarakat di kampung **saling saling menolong**.
9. \*Pesan ayah, adik-beradik mestilah **saling saling menasihati**.
10. \*Sebaik-baiknya, kita semua **saling saling membantu** dan tidak sendiri-sendiri.

Penulisan kata **saling** dua kali dalam ayat 6 hingga ayat 10 menyebabkan kelewahan kata dan makna. Dengan hal demikian, kata **saling** mestilah digugurkan untuk mengeyahkan kelewahan makna dalam ayat 6 hingga ayat 10 tersebut seperti yang berikut:

11. Mereka tidak akan hidup bahagia kalau tidak **saling mencintai**.
12. Benarkah keamanan lahir daripada sikap **saling menghormati**?
13. Masyarakat di kampung **saling menolong**.
14. Pesan ayah, adik-beradik mestilah **saling menasihati**.
15. Sebaik-baiknya, kita semua **saling membantu** dan tidak sendiri-sendiri.

Satu cara lagi untuk mengeyahkan kelewahan makna bagi ayat 1 hingga ayat 5 adalah dengan menukarkan kata **saling** kepada bentuk dasar, seperti yang berikut:

16. Mereka tidak akan hidup bahagia kalau tidak **cinta-mencintai**.
17. Benarkah keamanan lahir daripada sikap **hormat-menghormati**?
18. Masyarakat di kampung **tolong-menolong**.
19. Pesan ayah, adik-beradik mestilah **nasihat-menasihati**.
20. Sebaik-baiknya, kita semua **bantu-membantu** dan tidak sendiri-sendiri.

Kata **cinta**, **hormat**, **tolong**, **nasihat**, dan **bantu** masing-masing merupakan bentuk dasar kepada **mencintai**, **menghormati**, **menolong**, **menasihati**, dan **membantu**.

Secara analogi, apakah bentuk kata sedemikian semuanya mengandungi makna kesalingan?

Jawapannya tidak. Lihat contoh di bawah:

1. Bahagian Karang-mengarang menerbitkan majalah sastera.
2. Kegiatan tulis-menulis dipelopori oleh ulama pada zaman itu.
3. Dia membuka sebuah kelas jahit-menjahit.
4. Sulam-menyulam itu sahaja yang dapat dibuatnya.
5. Orang kampung air terkenal dengan tenun-menunen.

Karang-mengarang, tulis-menulis, jahit-menjahit, dan sulam-menyulam berhubung dengan makna 'pekerjaan' dan tenun-menunen pula berhubung dengan 'kemahiran kerja.'

Terdapat juga kata yang mengandungi makna kesalingan, seperti berhormat-hormat, berhormat-hormatan, bertolong-tolongan, tolong-bertolong, bercinta-cintaan, berkejaran, berpegangan, dan sebagainya. Dari segi semantik, makna kesalingan

mencakupi bentuk imbuhan dan bentuk dasar yang berikut:

1. beR- + kata dasar + -an.
2. beR- + kata dasar + kata dasar + -an.
3. Kata dasar + meN- + kata dasar.
4. Kata dasar + meN- + kata dasar + -i.

Walau bagaimanapun, tidak banyak berbentuk:

1. kata dasar + beR- + kata dasar.
2. beR- + kata dasar + kata dasar.

Kebanyakan penulis memilih bentuk 1 hingga 4. Kesimpulannya, penulis haruslah merujuk kamus untuk mengelakkan makna kesalingan yang lewah. Kelewahan yang disebutkan di atas tidak boleh dianggap sebagai keindahan dalam gaya bahasa kerana tanpa kelewahan yang demikian, stilistik tetap indah, ringkas, dan logik.

## PERI KATA PERI BAHASA

### Perihal Tina, Cater, Daimen dan Syelet

*Norhafizah Mohamed Husin*

Sudah menjadi lumrah, citra suatu masyarakat dilingkungi oleh budaya dan bahasanya. Sifat dan rutin ini mengandungi seluruh aspek dan sosok budaya masyarakat berkenaan yang terpamer menerusi adat, perayaan hari penting seperti perkahwinan, kelahiran dan kematian, masakan dan cara pemakanan. Semua urusan berkaitan budaya dan cara hidup tersebut diadun dan disimpul kukuh oleh perbendaharaan kata yang mendukung semua maksud dan perlambangan, baik yang lisan mahupun yang tersirat. Suatu hal penting yang tidak harus kita lupakan apabila membicarakan tentang citra bahasa sesuatu masyarakat, lebih tepat lagi tentang kosa katanya, ialah pertembungan suatu kelompok penutur bahasa dengan bahasa dan budaya yang lain.

Hakikat pertembungan ini sudah banyak dibuktikan dalam pelbagai penelitian bahasa dan dialek yang dilakukan oleh ramai sarjana di dunia. Misalnya, penelitian oleh G.B. Downer (1970) terhadap Dialek Mien dalam bahasa Yao atau Highland Yao yang dituturkan di bahagian utara Kuantung dan selatan Hunan (Yunan) seterusnya ke Laos dan utara Thailand mendapati banyak kata pinjaman daripada bahasa Cina sama ada dialek Mandarin mahupun Kantonis telah diserap ke dalam dialek berkenaan. Kewujudan unsur dialek Kantonis dalam dialek Yao dalam tona *ping*, *shang*, dan *qu* misalnya merupakan akibat daripada pergerakan dan penghijrahan kedua-dua bangsa ini mencari penghidupan dan wilayah ekonomi yang baru.

Menariknya, Luis Felipe F.R. Thomas (1988) mendapati kata *sarao* (sarung), *criz* (keris), *parao* (parang), *pires* (piring) dan *baileu* (balai) ditemukan dalam pertuturan masyarakat peranakan Portugis di Timor. Persinggahan pelayar Portugis dari Melaka ke Macau meninggalkan kata *cipo* (siput), *tudom* (tudung) dan *jambu* di tanah timur itu. Laluan pelayaran mereka dari Melaka terus ke Timor dan Macau merupakan jalan pertembungan budaya dan bahasa bagi kedua bangsa Timur dan Barat ini lalu memberikan pelbagai warna kepada perbendaharaan kata masing-masing.

Fenomena seumpama ini juga berlaku dalam dialek tempatan di negara ini. Tinjauan dalam kajian lapangan untuk meneliti dialek Minangkabau di Kampung Sungai Limau, Masjid Tanah, Melaka membenarkan andaian ini. Dalam sesi temu bual dengan penduduk asal kampung yang membuat tunjuk cara seni anyaman bakul rotan, lidah mereka begitu lancar menyebut kata *cater* [ʧatə].

Berdasarkan pemerhatian, didapati proses anyaman bakul tersebut banyak menggunakan sejenis alat yang dipanggil *cater*, yang diambil dan diasaskan daripada konsep *cutter* atau pemotong yang berasal daripada kata Inggeris. Nama asal alat tersebut dalam bahasa Inggeris bukanlah *cutter* tetapi *plier* yang berfungsi untuk memotong rotan yang digunakan dalam anyaman. Lebih menarik lagi *plier* sudah lebih lama diserap dalam perbendaharaan kata masyarakat Melayu di Malaysia, malah sudah disebut *playar* [plaja] yang sesuai dengan lidah masyarakat setempat.

Dalam kerancangan mereka menerangkan pelbagai bentuk corak anyaman, corak daimenlah yang paling menarik. Daripada contoh anyaman yang ditunjukkan, fahamlah kami bahawa corak tersebut merupakan corak seperti potongan kuih wajik atau intan. Kata daimen [dajmən] diambil daripada bahasa Inggeris, *diamond* yang merujuk kepada makna *a figure with four straight sides of equal length forming two opposite acute angles and two opposite obtuse angles; a rhombus* (OED dalam talian). Terbukti bahawa melalui industri anyaman yang berkembang pesat di kawasan tersebut, *diamond* sudah mengalami perubahan bunyi juga penyempitan erti sekali gus mengalami perubahan ejaan yang disesuaikan dengan sebutan dialek tempatan, dengan pengertian baru iaitu satu bentuk corak anyaman.

Begitu juga kata *syelet* [ʃelet] yang merupakan cecair yang disapukan ke seluruh bakul yang sudah siap dianyam, sebanyak tiga kali untuk tiga lapisan, yang bertindak sebagai pengilat dan pengawet hasil anyaman. Kata asal Inggerisnya, *shellac*; bahan kimia pengilat.

Pada mulanya agak menghairankan apabila dinyatakan bahawa susah melakukan *syelet* kalau tidak ada ada 'Tina' [tina]. Sebaik ditunjukkan kepada kami botol kecil berisi bahan pencair *thinner*, fahamlah kami apa yang dimaksudkannya bukanlah wanita yang anggun dan cantik yang akan melakukan proses *syelet*, sebaliknya sejenis bahan kimia yang akan mesti ada supaya proses tersebut dalam berjalan dengan lancar dengan tahap kecairan *syelet* yang sesuai setelah diadun dengan tina, dan supaya berus yang digunakan tidak menjadi keras akibat terkena *syelet*.

Selain daripada contoh ini, Kamus Melayu Dewan susunan Teuku Iskandar yang terbit pada tahun 1970 sendiri sudah ada merakamkan *gostan* sebagai bahasa Ingeris (Ig) yang bermaksud undur (ke belakang). Asal kata ini daripada bahasa Inggeris iaitu *go a stern*. Dalam bahasa Melanau Mukah, leksikal *maket* [maket] sudah digunakan dengan maksud *market* atau pasar, manakala dalam dialek Kedah, kata Inggerisnya dikekalkan sebutannya sebagai *market* [market] juga, dan masih membawa maksud yang sama.

Jika dinilai dari segi usianya, *cater*, *daimen*, *syelet* dan *tina* masih agak muda dalam dialek Minangkabau di Kampung Ayer Limau ini iaitu sekitar tahun 2000 serentak dengan bermulanya industri anyaman tersebut. Bagaimanapun, masa yang berlalu akan menyaksikan kata tersebut menjadi bahagian kosa kata masyarakat di situ. Proses yang berlaku secara senyap dan perlahan ini seringkali tidak disedari oleh penuturnya sendiri sehingga suatu waktu nanti keempat-empat kosa kata pinjaman ini akan sudah sebatu dalam masyarakat tersebut dengan sejarahnya yang tersendiri sama seperti kata *buk* [buʔ] dalam dialek Kelantan yang bermaksud buku (daripada kata Inggeris, *book*), *gohed* [gohed] yang bermaksud bergerak ke hadapan (daripada kata Inggeris, *go a head*) dan kayu rol [kaju rol] yang bermaksud pembaris (daripada kata Inggeris, *ruler*) yang lazim dituturkan oleh masyarakat Melayu di negeri Johor.

Pemerian contoh di atas hanya sebahagian gambaran bagaimana sejarah dirakamkan oleh bahasa, sesuai dengan peranannya sebagai penyimpan kisah kata yang panjang merentas masa dan zaman.

## Pemanfaatan Konsep dan istilah yang Berasal dari Nusantara

Hari Sulastri

Bahasa sebagai salah satu alat komunikasi baik dalam bentuk lisan maupun tulisan, mempunyai sifat produktif dan dinamis. Bahasa dikatakan bersifat produktif karena bahasa itu merupakan hasil produksi manusia sebagai pemakai bahasa. Bahasa dikatakan bersifat dinamis karena bahasa itu selalu berkembang sesuai dengan perkembanganzaman. Bahasa bersifat dinamis juga dimaknai bahwa bahasa itu selalu mengikuti perkembangan ilmu pengetahuan dan budaya masyarakat pendukungnya atau pemakai bahasa itu.

Sebagai salah satu dari hasil keproduktifan bahasa, istilah juga tidak terlepas dari sifat-sifat yang dimiliki oleh bahasa tersebut. Keproduktifan istilah dapat terlihat dari banyaknya istilah dalam berbagai bidang ilmu yang terdokumentasikan dan terekam, baik dalam media cetak (berupa buku, majalah, dan sebagainya) maupun media penyimpan digital (terekam dalam CD ataupun DVD) maupun media elektronik, seperti radio dan televisi.

Kedinamisan istilah juga dapat terlihat dari dicetakulangnya buku *Pedoman Umum Pembentukan Istilah (PUI)*. Buku pedoman itu telah mengalami pencetakan berulang kali untuk tiap-tiap edisi sejak pertama kali diterbitkannya pada 1975. Pada tahun 2009, *PUI* sudah mencapai edisi yang ketiga. Selain berupa pedoman, buku itu juga berisi berbagai macam ketentuan yang berkaitan dengan pembentukan istilah dan bagan prosedur pembakuan istilah.

Pada salah satu subbagian dari bagan prosedur pembakuan istilah disebutkan bahwa konsep baru dapat mengacu pada konsep dan istilah yang berasal dari nusantara. Adapun yang dimaksud dengan nusantara adalah sebutan untuk (nama) bagi seluruh wilayah Kepulauan Indonesia (*Kamus Besar bahasa Indonesia*; 2011:970). Dari salah satu ketentuan dalam prosedur pembakuan istilah tersebut dapat dipertanyakan: seberapa besar pemanfaatan konsep dan istilah yang berasal dari nusantara? Pertanyaan itu menjadi penting karena wilayah yang tercakup dalam pengertian nusantara tersebut sangat luas.

Kita dapat memaknai bahwa konsep istilah nusantara tersebut berasal dari salah satu kepulauan yang termasuk dalam wilayah Indonesia. Dalam bagan tersebut dicontohkan dengan cara perekaciptaan, *penyangga (sosrobahu)*. Penyangga dimaksud di sini adalah penyangga jalan bebas hambatan yang berbentuk seperti bahu, istilah itu diambil dari nama tokoh pewayangan yang bernama Arjuna Sasrabābahu. Bagi masyarakat Jawa, khususnya, dunia pewayangan tokoh Arjuna Sasrabāhu bukanlah tokoh yang asing. Arjuna Sasrabāhu adalah salah satu tokoh dalam epos pewayangan yang terdapat buku *Uttarakanda*, yaitu salah satu karya yang dikembangkan dari epos Ramayana karya Walmiki. Raja Arjuna Sasrabāhu yang berkuasa di Kerajaan Maespati memiliki kekuatan atau kesaktian luar biasa. Kekuatan itu, antara lain dilukiskan dapat membendung sungai dengan tanggannya yang berlengan seribu (*sasra* berasal dari kata *sahasra*, bahasa Sanskerta yang berarti 'seribu' dan *bāhu*, bahasa Sanskerta yang berarti 'lengan'). Selain memiliki kekuatan berupa kesaktian tersebut Sang Raja juga memiliki balatentara yang kuat. Nama penyangga jalan bebas hambatan yang menggunakan nama raja tersebut sudah tentu dimaksudkan bahwa panyangga tersebut memiliki kekuatan seperti yang dimiliki oleh Raja Arjuna Sasrabāhu.

Dalam cara perekaciptaan yang lain dicontohkan pula dengan *fondasi (cakar ayam)*, dan *satelit (palapa)*, yang diambil dari sumpah yang terkenal dari Majapatih Gadjah Mada semasa kejayaan Kerajaan Majapahit). Konsep dan istilah dari nusantara dalam cara perekaciptaan itu cukup dikenal, meskipun sebagian besar masih diambil dari Pulau Jawa saja. Sehubungan dengan itu, tampaknya kita perlu terus menggali lebih lanjut konsep dan istilah dari daerah Nusantara yang lain. Selain untuk mengenalkan kekayaan budaya daerah Nusantara yang lain, penggunaan konsep dan istilah dari nusantara itu juga dapat memperkuat dan menunjukkan kebhinekaan yang harus tetap terjaga.

## Agrobisnis atau Agribisnis?

Adi Budiwiyanto

Jangan heran kalau menemukan dua bentuk penulisan kata *agrobisnis* dan *agribisnis* dalam surat kabar atau tulisan ilmiah. Kedua kata itu kerap dijumpai dalam tulisan yang berkenaan dengan pertanian. Kedua kata itu juga kerap membuat bingung pengguna istilah atau pemerhati bahasa, terutama ketika menentukan mana yang benar, *agrobisnis* atau *agribisnis*. Padahal, kedua kata itu merujuk pada konsep yang sama.

Kata *agrobisnis* dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (KBBI, 2008) bermakna 'usaha yang berhubungan dengan (tanah) pertanian'. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (KBMN, 2003) pun senada dengan KBBI. Jika melihat bentuknya, kata *agrobisnis* terbentuk dari *agro-* dan *bisnis*. Bentuk *agro-* diserap dari bahasa Yunani, *agro-*, yang bermakna 'tanah, lahan'. Dalam *Chambers Dictionary of Etymology* (CDE, 2008) *agro-* merupakan prefiks yang berarti 'tanah, lahan', seperti pada *agrobiologi*, atau dapat pula berarti 'agrikultura atau pengolahan tanah', seperti pada *agrokimia*. Prefiks *agro-* itu kemudian dapat melekat dengan kata-kata lain, seperti *biologi*, *ekonomi*, *industri*, atau *wisata*, hingga terbentuk kata *agrobiologi*, *agroekonomi*, *agroindustri*, dan *agrowisata*.

Berbeda dengan KBBI ataupun KBMN, *Merriam-Webster's Collegiate Dictionary* (MCD, 2003) tidak mencatumkan lema *agrobusiness* 'agrobisnis' di dalamnya. Begitu juga dengan *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (OALD). Bentuk yang ada adalah *agribusiness* 'agribisnis'. Dalam KBBI dan KBMN, kata *agribisnis* dapat ditemukan, tetapi bentuk itu dirujuk ke lema *agrobisnis*. Artinya, bentuk *agrobisnis* adalah bentuk yang baku, sementara *agribisnis* tidak. Hal itu tampaknya sejalan dengan CDE yang tidak menganjurkan bentuk prefiks *agri-*. Namun, penetapan kata *agribisnis* sebagai bentuk yang tidak baku tampaknya harus dipertimbangkan kembali. Mengapa? Seiring dengan penggunaan bahasa Inggris yang semakin luas, kata *agribisnis* yang diserap dari bahasa Inggris *agribusiness* semakin banyak digunakan. Jika dilihat dari proses pembentukannya, kata *agribusiness* terbentuk dari *agriculture* 'agrikultura' + *business* 'bisnis'. Jadi, bentuk *agri* pada *agribisnis* bukan berasal dari bentuk *agro-*, melainkan dari bentuk *agrikultura* yang mengalami pemendekan, seperti halnya kata *informasi* atau *laboratorium* yang bisa dipendekkan menjadi *info* atau *lab*. Beranalogi dari hal itu, maka dapat terbentuk kata seperti *agriterorisme* (*agrikultura* + *terorisme*) atau *agrisilvikultura* (*agrikultura* + sisipan *silvi* 'hutan').

Bagaimana dengan kata *agrikultura* sendiri? Apakah bisa menjadi *agrokultura*? Kata *agrikultura* diserap dari bahasa Latin *agricultūra* yang bermakna 'pengolahan tanah' (CDE, 2008) dan bentuk kata *agrokultura* memang tidak ada karena bentuk asalnya adalah *agricultūra*.

## Tabung, Tabungan atau Menabung

Perkataan *Tabung*, *Tabungan* atau *Menabung* secara denotasi mengacu kepada perilaku positif. Mengikuti KBMN (2011:2656) pengertian ketiga perkataan tersebut saling berhubungkait dan yang membezakannya ialah kelas kata. **Tabung**: tempat menyimpan wang (daripada buluh dll); celengan; **Tabungan**: tempat menabung wang atau wang simpanan; **Menabung**: menyimpan wang (di bank, celengan)

Perkataan *Tabung*, *Tabungan* atau *Menabung* dalam bahasa Melayu konteks Brunei Darussalam berkonotasi pada dua perihal perbuatan yang dilakukan secara sedar (positif) dan dengan niat yang negatif. Maksudnya, *Tabung*, *Tabungan* atau *Menabung* mengacu kepada perbuatan memukul belakang atau dada seseorang secara terkawal untuk membantunya bernafas, atau memukul secara bergurau, dan perbuatan memukul seseorang dengan kuat sehingga menimbulkan rasa sakit dan cedera.

**Data Buku**

- Judul Buku** : Keberterimaan Istilah Mabbim Bidang Ilmu Dasar  
**Penulis** : Komisi Penelitian/Jawatankuasa Penyelidikan Mabbim  
**Penerbit** : Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa, Jakarta  
**Cetakan I** : April 2012  
**Halaman** : xv + 128  
**Pengulas** : Azhari Dasman Darnis  
**Harga** : Tidak diperdagangkan

Francis X. Karam (1974) dan Conrad Max Benedict Brann (1983) menekankan pentingnya unsur evaluasi dalam tahapan perencanaan bahasa yang berfungsi untuk mengetahui sejauh mana rekayasa peristilahan berhasil. Segaris dengan pendapat mereka, kajian tentang keberterimaan istilah yang dihasilkan Mabbim perlu untuk dievaluasi. Hal tersebut dilakukan untuk mengetahui sejauh mana hasil kerja Mabbim di bidang peristilahan selama ini diterima oleh masyarakat.

Buku yang berjudul *Keberterimaan Istilah Mabbim Bidang Ilmu Dasar* ini merupakan laporan penelitian tentang keberterimaan istilah yang dihasilkan Mabbim. Penelitian ini menjadi penting dan menarik karena merupakan salah satu dari segelintir penelitian tentang istilah di Indonesia. Objek penelitian ini adalah istilah bidang ilmu dasar, yaitu fisika, matematika, kimia, dan biologi. Selain itu penelitian ini menarik untuk disimak karena, sejauh ini, merupakan satu-satunya penelitian tentang istilah dalam bahasa berumpun Melayu. Penerbitan buku ini sendiri dilakukan oleh Mabbim, yaitu institusi kerja sama kebahasaan lintas negara yang berumpun bahasa Melayu, yaitu Indonesia, Malaysia, dan Brunei Darussalam.

Buku ini terdiri atas enam bab. Terdapat empat bab utama, yaitu tinjauan tentang penelitian serupa yang pernah dilakukan, kerangka teori dan metodologi, pemakaian ilmu dasar dalam korpus, dan persepsi masyarakat terhadap ilmu dasar serta dua bab pendahuluan dan penutupan. Pemaparan tentang penelitian yang pernah dilakukan tentang keberterimaan istilah dan kata baru menjelaskan pentingnya kajian ini dilakukan serta mempertegas ruang garapan kajian yang belum dilakukan pada penelitian sebelumnya. Metodologi yang digunakan –dijelaskan pada bab empat–merupakan gabungan antara kajian korpus dan persepsi yang dipaparkan pada dua bab berikutnya.

Hal lain yang menarik dari penelitian ini adalah penggunaan penelitian persepsi untuk mengungkapkan

apa yang terjadi di balik temuan penelitian korpus, berbeda dengan penelitian-penelitian sebelumnya yang hanya dilakukan pada tataran korpus. Penelitian persepsi tersebut mampu mengungkap data yang belum muncul dalam penelitian korpus. Penelitian persepsi mampu mengungkap data keberterimaan istilah Mabbim secara lebih mendalam karena dapat menguak kecenderungan penerimaan dan alasan mengapa sebuah istilah diterima atau ditolak masyarakat (hlm. 69).

Hasil kajian atas korpus yang dilakukan di Indonesia dan Malaysia menunjukkan perbedaan. Istilah Mabbim di Malaysia memiliki derajat keberterimaan lebih tinggi dibanding istilah serupa di Indonesia. Hal tersebut disebabkan ketersebaran istilah Mabbim, khususnya ilmu dasar, di Malaysia lebih merata dibanding di Indonesia. Selain itu, melalui kajian persepsi dapat diketahui bahwa rendahnya keberterimaan istilah tersebut di Indonesia disebabkan oleh perbedaan arah kebijakan pengembangan istilah yang berhubungan dengan pengaruh tokoh besar bidang ilmu terkait (hlm. 120).

Melalui uji persepsi diketahui bahwa keberterimaan istilah ilmu dasar mencapai peringkat yang lebih tinggi, walaupun masih kurang memuaskan, baik di Indonesia, di Malaysia, maupun di Brunei Darussalam. Uji persepsi juga mengungkapkan bahwa penyebarluasan istilah melalui jalur pendidikan belum bisa dikalahkan oleh penyebarluasan melalui jalur internet, walaupun lebih murah dan potensial (hlm. 121). Penyebarluasan istilah ilmu dasar melalui buku-buku teks di sekolah lebih efektif dan tepat sasaran dibandingkan penyebaran melalui dunia maya.

Secara keseluruhan penelitian ini memaparkan kajian keberterimaan istilah secara mendalam karena dilengkapi dengan kajian persepsi. Kajian ini dapat menjadi alat verifikasi proses dan tata cara penyebarluasan istilah Mabbim selanjutnya. Melalui anjakan dan proses yang tepat dan kesesuaian dengan kecenderungan penggunaan istilah di negara masing-masing, tanpa mengorbankan kelaziman serta tata cara pembentukan istilah yang baik, keberterimaan dan sikap pengguna istilah di ketiga negara dapat mengalami peningkatan. Namun demikian, penelitian ini masih terbuka untuk disempurnakan dengan memasukkan segi penting lain dalam peristilahan, yaitu pembentuk istilah (baca Cabre, 1998). Selain itu, perbedaan arah kebijakan peristilahan dapat disiasati dengan pelibatan semua pihak pemangku kepentingan peristilahan di Indonesia dalam pengembangan peristilahan.

Selain mengungkap tentang keberterimaan istilah dan sikap pengguna istilah terhadap istilah Mabbim, penelitian ini juga menyingkap banyak hal, seperti pengaruh gender, usia, dan pekerjaan terhadap keberterimaan istilah. Tidak hanya itu, mengenai alasan keberterimaan sebuah istilah juga dipaparkan. Terdapat beberapa hal menarik lainnya yang berkaitan dengan sikap bahasa dan istilah ilmu dasar yang membuat penelitian ini sangat dianjurkan untuk dibaca oleh pemerhati bahasa, khususnya peristilahan, bahkan para pemangku kebijakan peristilahan di ketiga negara.

Bahasa Melayu  
Bahasa Kita

## Ulasan Buku

Judul : Bahasa Melayu Bahasa Kita  
Jilid 1, 2, dan 3  
Penulis : Alipudin Omarkandi  
Penerbit : Dewan Bahasa dan Pustaka  
Brunei  
Cetakan I : 2010  
Pengulas : Dr Aini Haji Karim

Buku Bahasa Melayu Bahasa Kita tulisan Alipudin Omarkandi sebanyak tiga jilid ini merupakan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei pada tahun 2010. Buku-buku ini membicarakan hal-hal ketatabahasaan dan peraturan-peraturan penggunaan bahasa Melayu, di samping menyenaraikan bentuk-bentuk kesalahan bahasa yang lumrah dilakukan oleh pengguna bahasa Melayu. Alipudin memberi panduan kepada para pengguna bahasa Melayu supaya mereka dapat memilih perkataan yang tepat dan sesuai dengan konteks ayat, iaitu supaya pengguna bahasa dapat menghasilkan ayat-ayat yang gramatis. 70--80 peratus kandungan ketiga-tiga jilid buku ini serasi dengan contoh-contoh penggunaan perkataan dan pembinaan ayat yang pelbagai. Setiap contoh perkataan-perkataan dan ayat-ayat diikuti dengan penjelasan yang tuntas.

Ketiga-tiga jilid buku Bahasa Melayu Bahasa Kita ini telah digarap menggunakan bahasa yang mudah dan dapat difahami oleh sesiapa saja. Jilid 1 buku Bahasa Melayu


Bahasa Kita membincangkan dan membezakan antara penggunaan kata kerja transitif dengan tak transitif, penggunaan imbuhan-imbuhan meN-...-kan dengan meN-, kausatif dengan lokatif; penggunaan -kan yang lewah dan pelbagai bentuk kesalahan bahasa.

Bahasa Melayu Bahasa Kita Jilid 2 pula penulis menghuraikan bentuk ayat songsang. Penulis banyak memperkatakan cara membentuk keseluruhan atau sebahagian pendepanan ayat terutama sekali pendepanan predikat, baik pendepanan keseluruhan unsur mahupun sebahagian unsur predikat di samping menjelaskan penggunaan tatabahasa yang betul berdasarkan sistem dan peraturan bahasa Melayu yang juga disertai contoh-contoh kesalahan bahasa. Dalam Bahasa Melayu Bahasa Kita Jilid 3, penulis menumpukan beberapa aspek bentuk penulisan kata tunggal dan kata majmuk, dan ejaan yang kerap salah.

Penjelasan dan penghuraian aspek-aspek bahasa yang berhubung kait dengan tatabahasa dan kesalahan-kesalahan bahasa yang kerap ditemui dalam penulisan pengguna bahasa Melayu yang dikemukakan dalam ketiga-tiga jilid buku ini lengkap disertai contoh-contoh yang jitu dan relevan. Ketiga-tiga jilid buku ini sangat bermanfaat dan dapat dijadikan bahan rujukan dan panduan oleh sesiapa saja yang bertujuan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dan tatabahasa bahasa Melayu, khususnya pengguna bahasa Melayu, para pelajar, guru-guru, kerani dan para penulis.

## Kamus Melayu Inggeris Dewan

Dr. Hajah Fadilah bt. Jasmani



*Kamus Melayu - Inggeris Dewan* (KMID) ialah kamus bahasa Melayu - bahasa Inggeris yang pertama yang dihasilkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kamus dwibahasa ini diterbitkan pada tahun 2012 dan penerbitannya amat penting sebagai alat bantu pengajaran dan pembelajaran bahasa bagi pengguna bahasa Melayu yang ingin meningkatkan penguasaan mereka dalam bahasa Inggeris. Kamus ini berguna untuk pengguna kamus yang merangkumi penutur asli bahasa Melayu, para pelajar yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di institusi pendidikan, dan masyarakat awam yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa komunikasi harian.

KMID mengandungi 1783 halaman dan memuatkan 38 600 kata masukan atau entri yang mencakupi kata umum bahasa Melayu yang kontemporari, kata teknikal seperti yang ditemui dalam buku sekolah, jurnal, akhbar dan media massa, serta kata dan ungkapan harian yang sudah sebatian dengan kehidupan masyarakat di Malaysia. Antara kata masukan dalam KMID ini ialah *belanja*, *canting*, *defisit*, *fagosit*, *glikogen*, *gobek*, *pahala*, *sari*, *songket* dan *taucu*.

Kamus dwibahasa pada umumnya lebih menitikberatkan bahasa sasaran. Sebaliknya, KMID memberikan fokus kepada kedua-dua bahasa sumber dan bahasa sasaran. Kata masukan diberikan takrif atau keterangan supaya pengguna dapat mengetahui makna perkataan, terutamanya istilah dan kata yang formal dalam bahasa Melayu. Kata masukan dalam KMID disusun mengikut format kamus ekabahasa

bahasa Melayu, iaitu bermula dengan kata akar atau kata dasar dan diikuti dengan kata terbitan masing-masing. Misalnya:

makmur  
memakmurkan  
kemakmuran (KMID 2012: 959)

Matlamat penting kamus dwibahasa adalah untuk memberikan padanan kepada bahasa sumber. KMID memberikan padanan kepada hampir setiap kata masukan. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris boleh dikatakan jauh berbeza dari segi pandangan alam, budaya, gaya hidup dan sistem bahasa. Walaupun pada hari ini dunia dikatakan tanpa sempadan dan perkataan serta konsep yang digunakan masyarakat sejagat bersifat universal, masih ada banyak perkataan yang terikat budaya dan timbul kesukaran untuk mendapatkan padanan yang tepat dan sejajar bagi sesetengah kata dalam bahasa sumber. Oleh yang demikian, padanan yang diberikan kepada perkataan Melayu dalam KMID berbeza-beza jenisnya. Umumnya, terdapat lima kaedah pemasukan padanan seperti yang berikut:

- i. Kaedah pertama: satu kata bahasa Melayu dengan satu padanan bahasa Inggeris. Misalnya:  
**alang**'kayu atau konkrit panjang yg dipasang melintang di sebelah atas di antara dua tiang atau dinding **beam**  
(KMID 2012: 27)
- ii. Kaedah kedua: satu kata bahasa Melayu dengan banyak padanan bahasa Inggeris. Misalnya:  
**alat 1** apa-apa yg diperlukan dan digunakan apabila melakukan sst kerja, fungsi atau aktiviti tertentu, perkakas **utensil, instrument, device, gadget, apparatus, equipment, tool, outfit, appliance, contrivance, implement, gear2** sso atau sst yg digunakan utk mencapai tujuan tertentu atau yg menyebabkan berlakunya sst proses atau kejadian **vehicle, organ, tool, instrument, pawn**  
(KMID 2012: 28)
- iii. Kaedah ketiga: kata bahasa Melayu diterjemahkan secara bebas dalam bahasa Inggeris. Misalnya:  
**ansur; beransur 1** sedikit demi sedikit berlaku, berubah dll [pelbagai terjemahan]: *Pesakit itu beransur sihat, sedikit demi sedikit. The patient is getting better, little by little. Adat-adat lama beransur luput. The old customs are fading away. Terdapat tanda-tanda bahawa ekonomi beransur pulih. The economy is showing signs of recovery. Sepuluh minit sebelum persembahan dimulakan, orang mula beransur masuk ke dlm dewan itu. Ten minutes before the performance began people started to filter into the hall. Nilai harta itu beransur merosot. The value of the property is declining steadily. Keberaniannya beransur lenyap. His courage gradually melted away. Apabila cuaca beransur panas, kita akan pergi berenang. When the weather gets warmer we'll go swimming.*  
(KMID 2012: 59)

- iv. Kaedah keempat: kata bahasa Melayu diberi parafrasa dalam bahasa Inggeris. Misalnya:  
**andang** suluh yg dibuat drpd daun kelapa kering a **torch made from coconut /leaves, fronds/**  
(KMID 2012: 49)
- v. Kaedah kelima: kata bahasa Melayu kadang-kadang tidak diterjemahkan langsung. Misalnya:  
**kuntum 1** penjodoh bilangan bagi bunga [tdk diterjemahkan]: *Dia memetik beberapa kuntum bunga mawar. She picked a few roses.*  
(KMID 2012: 836)

Padanan yang diberikan dalam KMID merupakan perkataan atau frasa yang paling hampir dan lazim dalam bahasa Inggeris berdasarkan ujian terjemahan yang digunakan untuk mengenal pasti padanan yang sesuai dan idiomatik. Pengguna dapat menyorot padanan yang digunakan dalam contoh penggunaan yang diberikan bagi hampir setiap kata masukan dan pecahan makna.

Ada lebih daripada 50 000 contoh penggunaan dalam bentuk ayat contoh dan frasa contoh dalam KMID. Semua frasa dan ayat contoh sudah diuji untuk menunjukkan terjemahan yang baik dan bersahaja dalam bahasa sasaran. KMID bukan sahaja dapat membantu pengguna kamus memantapkan pemahaman dan penguasaan dalam bahasa Melayu tetapi juga meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris melalui terjemahan dan padanan yang tepat dan idiomatik. Pengguna dapat mencontohi dan menjana ayat dalam bahasa Inggeris dengan memanfaatkan terjemahan yang diberikan.

Padanan dan terjemahan bahasa Inggeris dalam KMID ialah bahasa Inggeris standard seperti yang digunakan dalam *Oxford Dictionary of English*, edisi kedua (OUP 2003) dan *Collins English Dictionary*, edisi kedelapan (Collins 2006).

Sistem bahasa Inggeris mempunyai beberapa ciri yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu. Misalnya, KMID memberikan perbezaan ejaan bentuk mufrad dan jamak padanan bahasa Inggeris bagi kata masukan yang tertentu. Misalnya:

**alveolus** (alvéolus) (tek) pundi udara yg halus dlm paru-paru tempat berlakunya pertukaran gas oksigen dan karbon dioksida **alveolus**, [jamak] **alveoli**  
(KMID 2012: 34)

Bagi istilah dan kata teknikal tertentu dalam bahasa Inggeris, ada bentuk yang berlainan bagi kata nama dan terbitannya dalam kata adjektif. Pada umumnya, bentuk perkataan yang sama digunakan dalam bahasa Melayu.

Misalnya:

**bakteria** (baktéria) 1 hidupan seni yg pelbagai, yg terdapat di mana-mana dan membiak dgn cepat, ada yg mendatangkan mudarat dan ada yg bermanfaat kpd manusia **bacterium**, [jamak] **bacteria**: *Bakteria ialah organisma seni yg tdk*

*dapat dilihat dgn mata kasar. Bacteria are minute organisms not visible to the naked eye. 2 bkn bakterial: jangkitan bakterial bacterial infection*  
(KMID 2012: 104)

Satu perkara yang agak sukar bagi pengguna kamus ialah laras sesuatu perkataan. Walaupun KMID memuatkan kata umum, terdapat perkataan yang hanya sesuai digunakan untuk sesuatu situasi. Kamus ini menggunakan label-label yang berikut bagi mengingatkan pengguna tentang kesesuaian penggunaan sesuatu kata:

bd	-	bahasa dalam
bh	-	bahasa halus
bk	-	bahasa kasar
bp	-	bahasa percakapan
tek	-	teknikal

Di samping ciri-ciri yang disebutkan, kamus ini juga dirancang supaya menarik dan mesra pengguna dari segi format visualnya. Kata masukan, keterangan dan contoh

dalam bahasa Melayu dicetak dalam warna hitam, dan teks bahasa Inggeris pula berwarna biru supaya memudahkan lagi pengguna mencari kata dan padanan. Pengguna juga disarankan supaya membaca halaman Panduan Pengguna (2012: ix - xix) supaya dapat menggunakan KMID secara optimum.

Dengan cakupan perbendaharaan kata sebanyak 38 600 kata masukan dalam bahasa Melayu serta padanan masing-masing dalam bahasa Inggeris, KMID amat bermanfaat bagi pengguna yang hendak mengungkapkan fikiran, cadangan dan perasaan dalam bahasa Inggeris, dan seterusnya dapat berkomunikasi dengan baik dan betul dalam bahasa tersebut.

#### Data Buku

Judul Buku	: Kajian Variasi Istilah mabbim
Pengarang	: Komisi Penelitian/Jawatankuasa Penyelidikan Mabbim
Penerbit	: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam
Tempat Terbit	: Brunei Darussalam
Tahun Terbit	: 2013
Peresensi	: Adi Budiwiyanto



Hampir empat dekade Majelis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim) berkuat dalam mengembangkan istilah dari pelbagai bidang ilmu. Tidak kurang dari 200.000 istilah yang meliputi 257 bidang/subbidang ilmu telah dibincangkan dan disepakati oleh ketiga negara anggota. Seiring dengan itu, Mabbim juga mengkaji berbagai macam

varian yang muncul dalam istilah yang telah disepakati tersebut. Kajian tersebut, misalnya, secara gamblang dipaparkan dalam buku *Kajian Variasi Istilah Mabbim*.

Di dalam buku itu pembaca dapat mengetahui jumlah istilah yang berkategori A, yaitu istilah yang sama disetujui seluruhnya, tetapi berbeda atau bersinonim bagi salah satu negara. Selain itu, buku ini memaparkan varian-varian yang ada antara bahasa Indonesia di Indonesia dan bahasa Melayu di Malaysia dan Brunei Darussalam serta faktor-faktor yang memengaruhi varian tersebut dari aspek tata bahasa, terjemahan, ataupun kesinoniman.

Informasi dalam buku ini disajikan secara sistematis dan logis. Di dalamnya terlihat jelas keterkaitan antarbab dan antarsubbab dalam bab yang sama. Teknik deskripsi yang disertai dengan ilustrasi, baik berupa bagan maupun tabel, membuat pembaca dengan mudah memahami informasi yang diberikan. Narasi yang digunakan untuk menguraikan data pun cukup sederhana, jelas, dan lugas. Di samping itu, keberadaan indeks akan mempermudah pembaca untuk menemukan informasi yang diinginkan dengan cepat.

Meskipun demikian, penyusunan buku dengan struktur seperti ini terlihat agak kaku. Hal itu mungkin dikarenakan buku ini sebenarnya merupakan laporan penelitian. Bagi pembaca yang biasa menggunakan bahasa Indonesia tampaknya perlu waktu yang sedikit lebih lama untuk memahami informasi dalam buku ini karena bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu yang biasa digunakan di Brunei Darussalam.

Buku ini berguna bagi para ahli bahasa, peneliti bahasa, dan pemerhati bahasa. Informasi yang disampaikan cukup lengkap dan mutakhir mengingat belum ada buku yang mengkaji masalah variasi istilah ini. Buku ini layak menjadi rujukan, khususnya bagi pemangku kepentingan di bidang kebahasaan, khususnya pengembangan istilah, baik itu bahasa Indonesia maupun bahasa Melayu.

## Sri Sukei Adiwimarta:

Pekamus yang Tekun

Bu Kesi, panggilan akrab Dr. Hj. Sri Sukei Adiwimarta, dilahirkan di Surakarta (Solo) pada tanggal 23 Mei 1929. Wanita yang dikenal sebagai sosok yang ramah, sabar, sederhana, dan rendah hati itu adalah seorang pekamus yang andal dan tekun. Bahkan, kepakarannya dikenal sampai ke Malaysia, Singapura, Jerman, dan Belanda. Menurut rekan sejawatnya, Dr. Hans Lapoliwa, kemahirannya berbahasa asing (Inggris, Belanda, dan Jerman) serta keahliannya dalam bahasa Jawa Kuno dan Sansekerta memberinya kualifikasi yang sangat ideal untuk menekuni perkamusan dan peristilahan.

Sejak tahun 1975, sudah 38 judul kamus yang mencantumkan nama Sri Sukei Adiwimarta, baik sebagai penasihat, konsultan, penyunting, penyelia, ketua/koordinator, redaksi, maupun anggota tim. Ia tercatat sebagai Ketua Tim Perevisi *Kamus Umum Bahasa Indonesia-Poerwadarminta* (1975–1976) hingga Anggota Tim Penyusun *Kamus Hukum Umum* (1991–1992) yang diselenggarakan Badan Pembinaan Hukum Nasional, Departemen Kehakiman. Pada akhir tahun 1988, sebagai penyunting akhir, ia bersama anggota tim penyusun berhasil merampungkan *Kamus Besar Bahasa Indonesia* yang diterbitkan pada tahun 1988. “Bu Kesi-lah orangnya,” kata Dr. H. Dendi Sugono—mantan Kepala Pusat Bahasa, “seorang pakar yang dengan sabar dan tekun terus-menerus menyertai kegiatan perkamusan dalam upaya merekam dan memperkembangkan kosakata bahasa Indonesia dari waktu ke waktu.”

Wanita yang pernah berjuang melawan penjajah sebagai anggota Lasykar Putri Indonesia Surakarta itu dikenal juga sebagai seorang yang terus belajar. Meskipun di tengah suasana perjuangan kemerdekaan, ia tetap gigih menyelesaikan sekolah dasar pada tahun 1943 dan Sekolah Menengah Pertama Putri (SMPP) pada tahun 1946 di Solo. Ia menamatkan Sekolah Menengah Atas Negeri (SMAN) di Yogyakarta pada tahun 1950 dan lulus dari Universitas Indonesia (UI) di Jakarta pada tahun 1956. Bidang studi yang dipilihnya di UI adalah bahasa dan sastra Indonesia dengan kekhususan bahasa dan sastra Jawa Kuno.

Di usianya yang sudah lanjut, ia pun tetap bersemangat untuk meneruskan studi. Atas dorongan Prof. Dr. Anton M. Moeliono, bujukan halus dari Prof. Dr. A. Teeuw, dan anjuran Prof. Dr. Zoetmoelder yang menghadihinya sepuluh naskah Jawa Kuno, ia tertarik dan tergugah meneliti salah satu naskah Jawa Kuno, yaitu *Kakawin Parthayajna*, untuk dijadikan bahan disertasi. Perlahan, tetapi pasti, ia pun berhasil meraih gelar doktor bidang bahasa Jawa Kuno dengan nilai yudisium *cum laude* pada tanggal 7 Juli 1993.

Karier akademik Bu Kesi dimulai pada tahun 1956 di Fakultas Sastra, Universitas Gadjah Mada,



Yogyakarta, hingga pangkat lektor pada tahun 1963. Pada tahun 1963 itu pula ia diperbantukan di Lembaga Bahasa Nasional, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan di Jakarta. Tidak sampai setahun di lembaga itu, karena kemampuan langkanya di bidang bahasa dan sastra Jawa Kuno, ia diminta untuk mengajar di Seminar für Indonesische-und Südseesprachen, Universitas Hamburg di Jerman hingga tahun 1967. Sepulang dari Jerman, ia kembali ke Indonesia untuk menjabat Kepala Dinas Peristilahan, Direktorat Bahasa dan Kesusastraan, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Jakarta hingga tahun 1969. Kemudian, ia menjabat Sekretaris Lembaga Bahasa Nasional, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan hingga tahun 1970. Pada tahun 1970–1974, ia kembali ke Jerman untuk mengajar kembali di Seminar für Indonesische-und Südseesprachen, Universitas Hamburg.

Pada tahun 1974, ia pulang ke Indonesia dan kembali bertugas di Lembaga Bahasa Nasional sebagai Ketua Bidang Perkamusan dan Peristilahan. Pada tahun 1975, ketika Lembaga Bahasa Nasional diubah namanya menjadi Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, jabatan yang dipangkunya pun berubah nama menjadi Kepala Bidang Perkamusan dan Peristilahan. Ia mengepalai bidang itu hingga tahun 1985.

Seusai mengakhiri jabatan strukturalnya, ia masih terus mengabdikan di Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa (sekarang Badan Bahasa) sebagai konsultan ahli di bidang perkamusan dan peristilahan. Selain itu, ia juga tetap meneruskan pengabdianya melalui jabatan fungsional edukatif di Jurusan Sastra Daerah, Program Studi Jawa, Fakultas Sastra, Universitas Indonesia. Di jurusan itu, ia pernah menjadi lektor kepala dan ketua jurusan.

Keterlibatannya di Majelis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim) dimulai sejak tahun 1980 ketika Mabbim masih bernama Majelis Bahasa Indonesia-Malaysia (Mabim). Beberapa kali ia terlibat dalam sidang-sidang Mabbim, baik sebagai Sekretaris maupun Anggota Perutusan Indonesia. Selain itu, ia juga terlibat dalam Panitia Kerja Sama Kebahasaan (Pakersa). Atas jasanya

dalam pengembangan Mabbim dan peristilahan, pada tahun 1993 ia mendapat Piagam Penghargaan dari Menteri Pendidikan dan Kebudayaan, Republik Indonesia.

(Disarikan dari buku *Pekamus: Riwayat dan Karya* (1999)—buku yang dipersembahkan untuk Dr. Sri Sukeksi Adiwimarta pada ulang tahun ke-70)

## Dr. Mataim dalam Kenangan

Dunia kebahasaan baik di Brunei Darussalam mahupun kedua negara anggota Mabbim lainnya telah kehilangan Dr. Mataim bin Bakar, seorang tokoh dan pejuang bahasa yang secara relatif masih muda pada 13 Mei 2012. Dikenali sebagai peribadi yang ramah, berprinsip, teguh pendirian, dan mempunyai pengetahuan dan ilmu tentang linguistik dan kebahasaan di samping bergiat aktif dalam mengangkat dan memperjuangkan bahasa Melayu. Sering menyeru masyarakat khususnya generasi muda agar sentiasa berkomitmen dalam memperkasa dan mendaulatkan serta memartabatkan bahasa Melayu. Menurut beliau tidak salah untuk mempelajari bahasa Inggeris untuk tujuan ilmu, namun bahasa Melayu tetap berperanan sebagai bahasa pemantap budaya. Wahana mengenai linguistik khususnya fonetik dan fonologi serta ehwal sociolinguistik seperti perancangan bahasa sering mendapat perhatian dan sorotan beliau. Rencananya diterbitkan dalam jurnal tempatan dan jurnal akademik lain yang diterbitkan oleh universiti serantau.

Jejak langkahnya di dunia linguistik dan kebahasaan sudah tidak asing baik bagi akademisi, penggiat, pemerhati mahupun kalangan pegawai kanan di kementerian dan jabatan kerajaan di negara ini. Rupa, karakter suara dan gayanya mudah dikenal apabila memperkatakan isu bahasa di media massa. Bahasa telah menjadi bahagian daripada urat nadi dan nafas beliau. Kebanyakan hal kebahasaan yang dibicarakan dalam wacana adalah hal 'sederhana', namun hal yang sederhana itu sebenarnya menuntut banyak penelitian, idealisme dan pemikiran daripada pembicaranya. Dr. Mataim perlu membuat kerja rumah seperti meneliti, membaca luas dan mengamati perkara yang signifikan dengan isu yang diperkatakan kerana pemikiran baru bagaimana memberikan motivasi kecintaan bahasa kepada generasi muda sesuai dengan konteks negara ini perlu dituangkan di samping permasalahan yang diperkatakan. Barangkali kerana kecintaan kepada sesuatu, manusia memperoleh kekuatan dan kemampuan untuk memperkatakan dan mengongsikannya kepada khalayak. Itulah Dr. Mataim. Beliau sangat popular, namanya mudah disebut dan dingati kerana rakam jejak rekod



perkhidmatannya yang panjang baik sebagai guru, pensyarah mahupun sebagai penjawat awam, karier terakhirnya sebelum bersara.

Pemergian Dr. Mataim kesan daripada komplikasi pascarawatan kanser telah meninggalkan karya, cinta dan sumbangsuhnya dalam kebahasaan untuk dibaca dan ditatap oleh masyarakat. Sesungguhnya kepulangan Dr. Mataim ke rahmatullah merupakan satu kehilangan besar buat kita semua, khususnya kepada pencinta bahasa Melayu di Brunei Darussalam. Beserta ucapan terima kasih yang mendalam atas sumbangsuh dan khidmat baktinya, kita mendoakan semoga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama orang-orang yang beriman dan para ahli syuhadah serta amal baktinya di dunia diterima oleh Allah swt, amin. Al-Fatihah.

\* Profil mengenai beliau telahpun diterbitkan dalam Buletin Mabbim Volume 4 Tahun 2012.

## Prof. Dato' Dr. Aziz Deraman

*Mohd. Fadzli bin Tajuid*

YBhg. Prof. Dato' Dr. Aziz Deraman, anak jati Terengganu kelahiran daerah Kuala Terengganu, Terengganu ini menerima Ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1982, melanjutkan pengajiannya ke peringkat sarjana di Universiti Glasgow, Scotland pada tahun 1984 dan memperoleh ijazah Doktor Falsafah dari Institut Sains dan Teknologi, Universiti Manchester, England.

Bakat kepimpinan dan kepakarannya terserlah pada awal penglibatannya dalam dunia akademik apabila dilantik mengetuai Jabatan Sains Komputer, UKM dalam tempoh 1985 hingga 1988 sebaik sahaja menamatkan pelajaran peringkat kedoktorannya. Khidmatnya terus diperlukan dengan memimpin Fakulti Teknologi Maklumat sebagai Timbalan Dekan selama tiga tahun sebelum dilantik menjadi Timbalan Pengarah Pusat Komputer di universiti berkenaan dari tahun 1995 hingga 2001.

Pada tahun 2007, selaras dengan kenaikan taraf Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) menjadi Universiti Malaysia Terengganu (UMT), beliau mendapat kepercayaan untuk memberikan khidmat baktinya selaku Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sebelum menjawat jawatan Naib Canselor sehingga tahun 2012. Kini, beliau merupakan satu-satunya Profesor Kanan yang bertugas di Jabatan Sains Komputer, Fakulti Sains dan Teknologi, UMT dan Penasihat Khas kepada Naib Canselor.

Kepakarannya dalam bidang kejuruteraan perisian merangkumi bidang khusus yang luas termasuklah perancangan strategik teknologi maklumat, pensijilan dan prosesan perisian, penggunaan semula bahan multimedia, pengkomputeran perubatan, pengurusan pendidikan bestari dan pengkomputeran masyarakat.

Baktinya terus ditumpahkan di tanah kelahirannya sebagai penasihat teknologi maklumat kepada YAB Menteri Besar Terengganu yang membawa kepada paradigma baru sektor pendidikan apabila Terengganu melaksanakan Program e-Buku iaitu penggunaan komputer riba menggantikan buku teks di sekolah-sekolah di seluruh negeri. Beliau juga merupakan tulang belakang penting teknologi maklumat dalam pelbagai organisasi dan industri sebagai ahli lembaga pengarah, penasihat, perunding panel dan perunding residen. Antaranya sebagai Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM), Yayasan Terengganu, dan Ahli Panel JK Pelaburan Kolej Universiti Teknikal Tinggi Terengganu.

Kepakarannya telah membantu menghasilkan banyak rancangan strategik teknologi maklumat pelbagai institusi termasuklah pembinaan Sistem Maklumat Universiti Kebangsaan Malaysia, Sistem Maklumat Institut Teknologi Tun Hussein Onn (kini Universiti Teknologi Tun Hussein Onn), Sistem Maklumat Kolej Universiti Sultan Zainal Abidin (kini Universiti Sultan Zainal Abidin), Laporan Strategik



Teknologi Maklumat Negeri Terengganu, Sistem Pemantauan dan Manfaat Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Sistem Maklumat Menyeluruh Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM). Selain projek e-Buku, sumbangannya sebagai penasihat teknologi maklumat juga membantu kejayaan projek e-Ketengah (Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah), Infodesa (Kementerian Pembangunan Luar Bandar), e-jariah (YAPEIM), Bestari.Comm (Terengganu), ISP (Lembaga Pertubuhan Peladang), Juruaudit Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri Terengganu dan e-wargaKota (Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur). Kini tumpuannya difokuskan kepada pembinaan Sistem Maklumat Hospital (C-Hets) HUKM dan syarikat perisian MediCare Sdn. Bhd.

Menariknya, di samping berkecimpung secara serius dalam bidang teknikal yang berkait dengan kepakarannya, beliau juga merupakan pakar bidang peristilahan bagi JK Istilah Golf, Dewan Bahasa dan Pustaka dan merupakan anggota JK Tetap Bahasa Melayu iaitu badan tertinggi bagi pihak Malaysia dalam hal-hal kerjasama kebahasaan pada peringkat Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia (MABBIM) bagi bahasa Melayu yang bertindak sebagai sebuah badan penasihat dalam hal kebahasaan kepada YB Menteri Pelajaran Malaysia, dan penasihat Program Pemuliharaan Pulau Bidong, Yayasan Coral Malaysia.

Dalam dunia penyelidikan, beliau telah menyelia lebih daripada 50 penyelidikan sarjana dan kedoktoran dan telah menghasilkan ratusan makalah dan laporan dalam pelbagai buku, jurnal, prosiding, dan media lain pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Beliau merupakan penerima Geran Penyelidikan UNESCO oleh Asian Institute of Technology (AIT) Bangkok pada tahun 1988, dan anggota Program Ziarah Sainis Kanan ke Uzbekistan oleh Renong Berhad (1995).

Usaha, sumbangan dan kepakaran beliau menerima pengiktirafan apabila dikurniakan Pingat Setia Mahkota Terengganu pada tahun 2005, dan Pingat Dato' Paduka Mahkota Terengganu pada tahun 2011 yang membawa gelaran Dato'.

Semoga beliau akan terus diberikan kekuatan untuk memberikan sumbangan bermakna dalam bidang kepakarannya, juga dalam bidang bahasa.

# Galeri Foto



Bulan Bahasa di Negara Brunei Darussalam



Sidang Eksekutif Ke-51 MABBIM (Indonesia)



Sidang Eksekutif Ke-51 MABBIM (Brunei Darussalam)



Sidang Eksekutif Ke-51 MABBIM (Malaysia)



Seminar MABBIM 2012 di Negara Brunei Darussalam



Perasmian Bulan Bahasa 2012 di Negara Brunei Darussalam

## SUSUNAN REDAKSI

**Penanggung Jawab:**  
Kepala Badan Pengembangan  
dan Pembinaan Bahasa

**Pemimpin Redaksi:**  
Yeyen Maryani

**Redaksi Pelaksana:**  
Meity T. Qodratillah  
Hajah Fadilah binti Jasmani  
Norhasmanalinda binti Mustapa  
Mohd Azurin Othman  
Dayang Hajah Zainab binti Haji Mat Daud  
Ganjar Harimansyah  
Adi Budiwiyanto  
Kity Karenisa  
Efgeni